

KOLEKSI PERPUSTAKAAN

● Koleksi Buku Am

Koleksi ini terdiri daripada buku-buku dari pelbagai subjek. Koleksi ini boleh dipinjam oleh para pengguna mengikut kelayakan masing-masing.

● Koleksi Buku Rujukan

Bahan-bahan dalam koleksi ini terdiri daripada buku-buku rujukan seperti ensaiklopedia, bibliografi, statistik, indeks dan lain-lain bahan yang difikirkan bersesuaian untuk diletakkan di dalam koleksi ini. Bahan-bahan ini hanya boleh dirujuk di Perpustakaan dan tidak boleh dipinjam.

● Koleksi Bertanda Merah ('Red Spot')

Koleksi ini menempatkan buku-buku teks dan buku-buku rujukan utama para pelajar. Buku-buku ini diletakkan dalam koleksi ini berdasarkan cadangan daripada para pensyarah. Koleksi hanya boleh dipinjam selama 2 jam sahaja.

● Koleksi Undang-undang

Koleksi ini secara khusus menempatkan bahan-bahan berkaitan dengan undang-undang khasnya untuk kegunaan Fakulti Syariah dan Undang-undang. Bahan-bahan ini dibahagikan kepada 4 bahagian iaitu: (A) Akta (termasuk sebarang pindaan) dan 'Statutes' (B) Laporan dan 'Commentaries', (C) Jurnal dan majalah dan (D) Buku. Bahan-bahan dalam kategori (B) dan (D) boleh dipinjam oleh para pengguna mengikut kelayakan masing-masing.

● Koleksi Kamus

Koleksi ini terdiri daripada Kamus, Tesaurus, Istilah dalam berbagai bahasa dan bidang.

● Koleksi Tesis

Koleksi ini terdiri daripada Laporan Projek Ilmiah, Tesis dan Disertasi. Pengguna dapat membuat pinjaman bahan selama 2 jam.

● Koleksi Terbitan Bersiri

Koleksi ini menempatkan bahan-bahan yang diterbitkan secara berkala. Koleksi ini merangkumi jurnal, majalah, laporan tahunan, buletin dan surat khabar.

● Koleksi Malaysiana

Koleksi ini secara khusus menempatkan bahan-bahan berkaitan dengan Malaysia. Ia terdiri daripada berbagai jenis bahan seperti ensaiklopedia, jurnal dan audio visual. Bahan-bahan ini boleh dirujuk di Perpustakaan sahaja.

● Koleksi Multimedia


Koleksi ini terdiri daripada CD-Rom, Kaset Video, Kaset Audio, DVD, Kits dan disket.

● Koleksi Universiti-universiti

Bahan-bahan dalam koleksi ini terdiri daripada prospektus, buku panduan, dan risalah. Bahan-bahan ini hanya boleh dirujuk di Perpustakaan dan tidak boleh dipinjam.

● Koleksi Persidangan

Koleksi ini terdiri daripada bahan persidangan dan seminar.



<http://lib.kuim.edu.my/>



Perpustakaan Kolej Universiti Islam Malaysia



WAKTU PEMBUKAAN PERPUSTAKAAN

Isnin – Khamis
8.00 pagi – 10.00 malam

Jumaat
8.00 pagi – 12.15 t/hari
2.45 petang – 10.00 malam

Sabtu
8.00 pagi – 2.00 petang

Perpustakaan ditutup pada hari Ahad dan cuti umum

WAKTU PEMBUKAAN PADA CUTI SEMESTER

Isnin – Khamis
8.00 pagi – 4.30 petang

Jumaat
8.00 pagi – 12.15 t/hari
2.45 petang – 4.30 petang

Sabtu
8.00 pagi – 1.00 petang

Perpustakaan ditutup pada hari Ahad dan cuti umum

KEAHLIAN PERPUSTAKAAN

Keahlian Perpustakaan dibahagikan kepada 2 kategori iaitu:

1. Keahlian Dalaman

Keahlian adalah dibuka secara automatik untuk menjadi ahli Perpustakaan. Pendaftaran tidak diperlukan.

2. Keahlian Luar

Keahlian akan diberikan berdasarkan kepada permohonan bertulis kepada Ketua Pustakawan dengan membayar yuran mengikut kadar bayaran yang ditetapkan.

KEAHLIAN DALAMAN:

Kategori keahlian dan kelayakan pinjaman ahli adalah seperti berikut:

Kelayakan Pinjaman		
Kategori	Koleksi Am	Koleksi BM*
Pelajar Pra-Siswazah (Tahun 1 & 2)	2 buah / 7 hari	1 buah / 2 jam
Pelajar Pra-Siswazah (Tahun 3)	4 buah / 14 hari	1 buah / 2 jam
Pelajar Pasca-Siswazah	5 buah / 14 hari	1 buah / 2 jam
Kakitangan Akademik (Sepenuh masa)	7 buah / 60 hari	2 buah / 2 jam
Kakitangan Akademik (Separuh masa)	-	-
Kakitangan Bukan Akademik	2 buah / 7 hari	-
Ahli Lembaga Pengarah Universiti (LPU)	7 buah / 30 hari	-
Profesor Pelawat	7 buah / 30 hari	-

*Koleksi BM (Bertanda Merah)

PERKHIDMATAN PERPUSTAKAAN

● Perkhidmatan Pinjaman Bahan Perpustakaan

Perkhidmatan ini disediakan ke atas bahan-bahan dalam Koleksi Am, Koleksi Bertanda Merah, Koleksi Undang-undang (B) dan (D) dan Koleksi Multimedia, mengikut kelayakan masing-masing. Perkhidmatan ini dijalankan di Kaunter Perpustakaan.

● Perkhidmatan Maklumat dan Rujukan

Perkhidmatan ini disediakan kepada semua para pengguna yang ingin mendapatkan panduan pencarian maklumat rujukan sama ada di Perpustakaan KUIM atau perpustakaan lain. Para pengguna yang memerlukan perkhidmatan ini boleh berhubung dengan Bahagian Perkhidmatan Pengguna.

● Perkhidmatan Fotostat

Sebanyak 2 buah mesin fotostat disediakan untuk kegunaan pengguna Perpustakaan.

● Perkhidmatan Sewaan Laci Berkunci

Perkhidmatan ini adalah untuk Laci Berkunci yang terdapat di Ruang Meletak Barang Perpustakaan. Sebanyak 75 buah laci berkunci disediakan untuk disewa pada kadar RM 10.00 untuk 1 semester. Permohonan boleh dibuat di Kaunter Perpustakaan atau di Bahagian Perkhidmatan Pengguna.

● Perkhidmatan Bilik Belajar 24 jam

Bilik ini boleh digunakan sebagai tempat belajar oleh semua pengguna pada bila-bila masa.

● Perkhidmatan Internet

Perkhidmatan ini disediakan untuk semua pengguna Perpustakaan dengan membuat tempahan di Kaunter Perpustakaan. Sebanyak 10 buah komputer disediakan di dalam Infolab Perpustakaan.

Perkhidmatan ini khusus untuk mengakses Internet untuk tujuan pencarian maklumat seperti untuk mengakses

pangkalan data atas talian yang dilanggan oleh Perpustakaan atau mengakses OPAC Perpustakaan lain.

● Perkhidmatan Pinjaman Antara Perpustakaan

Perkhidmatan ini disediakan bagi kemudahan pinjaman bahan dari Perpustakaan lain sama ada di dalam atau di luar negara. Pesyarah dan pelajar tahun akhir dapat menggunakan perkhidmatan ini sekiranya bahan yang diingini tidak terdapat di Perpustakaan KUIM.

● Perkhidmatan Koleksi Surat Khabar Kebelakangan

Perpustakaan menyediakan perkhidmatan surat khabar kebelakangan dalam tempoh setahun.

● Perkhidmatan Pangkalan Data Atas Talian

1. Ebscohost

Pangkalan data yang memuatkan pelbagai artikel dan berita dari jurnal-jurnal dalam pelbagai bidang seperti Perniagaan, Pengurusan, Ekonomi, Perakaunan dan Perniagaan Antarabangsa.

2. ProQuest

Merupakan sumber maklumat elektronik yang mengandungi artikel-artikel yang telah diterbitkan di dalam majalah, surat khabar dan jurnal.

3. NSTP e-Media

Dikenali sebagai NSTP On-Line Reference Services yang mengandungi fail-fail berikut :-

- Akhbar-akhbar harian/mingguan.
- Syarikat/Perbadanan awam tempatan.
- Negara-negara di dunia.
- Malaysian Business Magazine.
- Malaysian States Factfile.
- Investor's Digest Magazine.
- Akhbar-akhbar dari Singapura.

4. LawNet

Pangkalan data atas talian tentang undang-undang.

5. OUM Digital Collection

Pangkalan data berkaitan e-books dan e-journal.